

# Cagamas terbit CMTN RM500j

**KUALA LUMPUR** 19 Mac - Cagamas Bhd. (Cagamas), perbadanan gadai janji nasional, mengumumkan penerbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) berjumlah RM500 juta meliputi tempoh satu dan tiga tahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, perolehan daripada terbitan itu akan digunakan bagi membiayai pembelian pinjaman daripada sistem kewangan.

Menurut beliau, persekitaran operasi pasaran masih lagi dibayangi oleh pembidaan yang agresif untuk mudah tunai daripada institusi kewangan sebagai pelaksanaan nisbah liputan mudah tunai, yang telah menyebabkan pelebaran kredit di Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS).

"Buku pesanan yang diterima adalah meliputi nisbah sebanyak 3.1 kali termasuk tempahan daripada pelabur antarabangsa dan berharga 54 mata asas (bps) melebihi MGS yang sepadan iaitu 11 mata asas lebih ketat daripada bimbingan harga permulaan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Chee Leong, CMTN yang akan ditebus pada nilai nominal penuh pada tarikh matang merupakan tanggungjawab tidak bercagar oleh syarikat dan bertaraf 'pari passu' antara mereka dengan semua hutang tidak bercagar syarikat yang sedia ada.

"CMTN berkenaan akan disenaraikan dan diniagakan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip," katanya.

Cagamas adalah pengeluar kedua terbesar instrumen hutang selepas kerajaan dan penerbit terbesar sekuriti hutang AAA dalam pasaran.